

# Pengajian Am (900)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 51,296 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 79.01%, naik sebanyak 1.61% berbanding dengan tahun 2011.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.10	7.02	6.9	10.99	12.21	16.25	12.18	5.46	4.79	4.04	10.06

## RESPONS CALON

### KERTAS 900/1 (ANEKA PILIHAN)

*Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	21	B	41	D
2	A	22	B	42	C
3	B	23	D	43	D
4	B	24	C	44	B
5	C	25	D	45	B
6	A	26	C	46	A
7	C	27	A	47	B
8	D	28	C	48	C
9	C	29	A	49	B
10	D	30	D	50	A
11	C	31	D	51	C
12	D	32	A	52	B
13	C	33	C	53	C
14	C	34	C	54	D
15	A	35	B	55	C
16	B	36	A	56	A
17	A	37	B	57	A
18	D	38	C	58	B
19	A	39	D	59	B
20	D	40	A	60	A

### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Kertas 1 pada tahun ini naik berbanding dengan tahun lepas. Terdapat seorang calon mendapat markah tertinggi, iaitu 59 markah dan seorang calon mendapat markah terendah, iaitu 7 markah

Tujuh soalan, iaitu soalan nombor 4, 10, 24, 30, 43, 49, dan 57, merupakan soalan yang beraras mudah bagi calon kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul manakala satu soalan, iaitu soalan nombor 42 merupakan soalan beraras sukar bagi calon kerana kurang daripada 30% calon yang dapat menjawabnya dengan betul. Respons calon terhadap soalan-soalan lain dalam kertas ini memuaskan.

## **KERTAS 900/2 (ESEI)**

### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah secara relatifnya baik. Kekuatan calon dapat dilihat pada soalan esei, iaitu Bahagian A dan Bahagian B, serta soalan berkaitan graf, iaitu Bahagian D. Hal ini menunjukkan bahawa calon menguasai kemahiran menulis esei dan membina graf. Calon dapat memberikan idea dan huraian, terutamanya untuk soalan 1, soalan 2, dan soalan 3. Calon juga dapat menggunakan media dan data yang tepat untuk melukiskan graf yang berkaitan untuk soalan 7 dan soalan 8.

Sebaliknya, kelemahan calon yang paling menonjol adalah pada Bahagian E. Untuk soalan 9, calon gagal memahami dan mentafsirkan hubungan kait antara harga eksport barangan utama Malaysia dengan nilai pendapatan eksport barangan utama Malaysia. Begitu juga untuk soalan 10, calon gagal untuk menyenaraikan aliran proses mengikut turutan yang tepat dan teratur. Mereka hanya menyebut tahap-tahap proses tanpa menghuraikannya. Dalam Bahagian D, kelemahan calon yang dapat dikesan ialah sikap cuai calon sehingga menyebabkan mereka hanya memperoleh markah maksimum, iaitu 6 markah sahaja.

Dari segi bahasa, masih ramai calon yang tidak dapat menggunakan bahasa yang sempurna. Kelemahan calon dapat dikesan dalam aspek morfologi, tanda bacaan, ejaan, dan struktur ayat. Hal ini sekali gus menjejaskan mutu jawapan calon.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### ***BAHAGIAN A: Esei Laras Sastera***

##### ***Soalan 1***

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan langkah kerajaan untuk mengehadkan pengambilan pekerja asing dan kerjasama pelbagai pihak untuk mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan. Soalan ini adalah popular dalam kalangan calon. Calon sudah biasa dengan isu pengangguran dan pekerja asing. Calon dapat mengutarakan empat idea bagi menjawab soalan ini. Namun begitu, huraian tentang jawapan bagi soalan ini adalah kurang mantap. Hal ini menyebabkan markah calon terjejas. Terdapat juga calon yang mengemukakan langkah untuk mengurangkan masalah pengangguran secara umum dan tidak memberikan perhatian kepada aspek 'pekerja asing' dan 'kerjasama pelbagai pihak'. Jawapan yang sepatutnya ialah idea mengehadkan pengambilan pekerja asing sebagai idea wajib di samping idea lain, iaitu kerjasama pihak lain, seperti agensi penguatkuasaan, pekerja tempatan, majikan, negara pembekal, orang atau pihak awam, dan peranan media massa.

## **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan pendidikan dalam aliran teknik dan vokasional dan kekangan yang menghalang perkembangan pendidikan dalam aliran teknik dan vokasional. Soalan ini kurang menjadi pilihan calon. Calon kurang berupaya untuk mengupas kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional dan hambatan yang dihadapi. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang dapat menjawabnya dengan memperoleh markah yang baik. Jawapan yang sepatutnya untuk kepentingan pendidikan dalam aliran teknik dan vokasional adalah melahirkan lebih ramai tenaga separuh mahir, menyediakan peluang pendidikan yang lebih banyak, dan membantu pelajar hidup berdikari. Jawapan untuk kekangan pendidikan dalam aliran teknik dan vokasional ialah kekurangan tenaga pengajar, kekurangan kemudahan atau prasarana pendidikan, kurang kerjasama sektor swasta, pelajar kurang minat, dan adanya tanggapan atau persepsi yang negatif.

## **BAHAGIAN B: Esei Laras Sains**

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan cahaya suria dan kesan negatif sekiranya cahaya suria berlebihan kepada manusia dan alam sekitar. Soalan ini terbahagi dua, iaitu kepentingan cahaya suria dan kesan apabila cahaya suria berlebihan. Jawapan calon secara relatifnya memuaskan, namun terdapat kecenderungan calon untuk mencampuradukkan idea dalam satu perenggan. Terdapat juga calon yang mengemukakan fakta yang salah, seperti vitamin C dan vitamin E bersumberkan cahaya suria. Ramai calon dapat memberikan jawapan tentang kebaikan atau kepentingan dan kesan, tetapi huraian yang diberikan cetek dan tidak jitu. Jawapan yang sepatutnya untuk kepentingan cahaya suria ialah proses fotosintesis tumbuhan, penting untuk kesihatan dan rawatan, sumber tenaga alternatif, proses pengeringan, dan kitaran hidrologi. Bagi jawapan kesan negatif cahaya suria yang berlebihan pula adalah meningkatkan suhu bumi, menjejaskan kesihatan, dan memupuskan flora dan fauna.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan negatif kepada kesihatan apabila gula diambil secara berlebihan. Soalan ini memfokuskan kesan pengambilan gula yang berlebihan. Ramai calon yang tersalah tafsir tentang kehendak soalan ini. Calon menganggap soalan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu berkaitan dengan kepentingan gula dan kesan pengambilan gula yang berlebihan. Ini menyebabkan jawapan calon separuh menyeleweng. Huraian idea juga tidak mantap dan mendalam. Hal ini disebabkan calon kurang pengetahuan berkaitan dengan tajuk yang dikemukakan. Huraian calon berlegar kepada penyakit kencing manis, penyakit jantung, dan obesiti. Jawapan yang sepatutnya ialah kegemukan atau obesiti, penyakit jantung, kencing manis atau diabetes, kerosakan gigi, hiperaktif, dan jangkitan kulit.

## **BAHAGIAN C: Kefahaman dan Ulasan Teks**

### **Soalan 5**

Soalan (a)(i) menghendaki calon menyatakan kesan yang berlaku jika melaksanakan hukuman rotan kepada pelajar. Terdapat sebilangan besar daripada calon hanya menyalin semula maklumat yang terdapat dalam petikan tanpa melakukan pengubahsuaian. Jawapan calon hendaklah dalam satu ayat dan perlu menggunakan ayat yang gramatis. Jawapan yang sepatutnya ialah pelajar akan bertindak balas, sama ada berubah ke arah baik atau sebaliknya.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menyatakan kaedah-kaedah lain untuk mendisiplinkan pelajar selain hukuman rotan. Jawapan calon tidak boleh melebihi 50 patah perkataan dan setiap idea perlu diikuti oleh huraian yang relevan, padat, dan tepat. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik untuk soalan ini. Namun begitu, ada dalam kalangan calon yang memberikan idea tanpa huraian. Jawapan yang sepatutnya, ialah pendekatan nasihat dan kaunseling, contoh dan teladan, pendidikan agama, moral, dan sivik, permuafakatan ibu bapa, guru dan masyarakat, aktiviti kokurikulum, pemantapan pengurusan disiplin pelajar, penguatkuasaan undang-undang, dan kempen.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menyatakan sebab pertubuhan dunia menganggap masalah buruh kanak-kanak sebagai satu ancaman kepada kanak-kanak. Calon boleh menjawab soalan ini, tetapi sebilangan besar daripada mereka hanya menyalin jawapan terus daripada petikan, iaitu kanak-kanak mati ketika bekerja. Hal ini telah mengurangkan markah calon. Jawapan yang sepatutnya ialah kanak-kanak yang bekerja terdedah kepada bahaya di tempat kerja.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon memberikan pendapat sebab undang-undang yang digubal untuk melindungi kanak-kanak tidak berkesan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan idea dan huraian dengan baik. Namun begitu, ada juga dalam kalangan calon yang sekadar mengemukakan idea tanpa huraian, malah, masih ada calon yang menjawab soalan ini melebihi 50 patah perkataan, sedangkan jumlah yang ditetapkan oleh soalan ialah tidak melebihi 50 patah perkataan. Jawapan yang sepatutnya ialah keperluan terhadap guna tenaga anak-anak bagi sesetengah ibu bapa dan keluarga tidak dapat dielakkan untuk menampung kehidupan yang amat miskin, penguatkuasaan undang-undang yang ada tidak cukup tegas, ramai penduduk, terutamanya yang miskin tidak tahu tentang adanya undang-undang tersebut, sikap majikan yang mengambil kesempatan, dan sikap masyarakat yang tidak prihatin.

## **Soalan 6**

Soalan (a)(i) menghendaki calon menyatakan cara sisa pepejal di negara ini dilupuskan. Kebanyakan calon boleh menjawab soalan ini kerana mereka dapat menyatakan dua cara yang digunakan untuk melupuskan sisa pepejal di negara ini berdasarkan maklumat yang terdapat dalam petikan. Namun begitu, ada dalam kalangan calon yang hanya menyatakan satu daripada dua cara yang digunakan. Jawapan yang sepatutnya ialah sisa pepejal dilupuskan dengan dua cara, iaitu dilupuskan di tapak pelupusan sampah yang dikhaskan dan dengan menggunakan teknologi insinerator.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan cara kita sebagai individu dapat mengurangkan penghasilan sisa pepejal. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Walau bagaimanapun ada dalam kalangan calon yang hanya mengemukakan idea kitar semula sahaja atau mengemukakan idea tanpa disokong oleh huraian. Jawapan yang sepatutnya adalah mengurangkan penggunaan bahan yang tidak mudah reput, menggunakan bahan sisa pepejal semula, dan mengasingkan, mengurangkan, menggunakan semula, dan berfikir sebelum membuang sesuatu.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menerangkan cara alergi boleh berlaku. Kebanyakan calon tidak begitu mengetahui tentang alergi dan alergen. Calon boleh menjawab soalan ini dengan cara menyalin semula maklumat yang terdapat dalam petikan. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh untuk bahagian ini. Jawapan yang sepatutnya ialah alergi boleh berlaku apabila sistem imun bertindak balas secara berlebihan dengan alergen.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan punca-punca berlakunya alergi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tumpuan kepada idea makanan, persekitaran, dan ubat-ubatan. Jawapan yang sepatutnya adalah berpunca daripada makanan, bahan kimia, keadaan persekitaran, haiwan, ubat-ubatan, dan debu.

## ***BAHAGIAN D: Alih Bentuk Maklumat Daripada Linear Kepada Bukan Linear***

### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan penumpang penerbangan dalam negeri dan antarabangsa yang berlepas di lapangan terbang di Sabah dan di Sarawak pada tahun 2005, 2006, dan 2007. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat memindahkan maklumat daripada petikan dengan tepat dan melukis graf yang dikehendaki dengan baik pada masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat dalam kalangan calon yang gagal untuk menyiapkan graf yang dikehendaki, tersalah menghasilkan graf, dan hanya menyediakan jadual sahaja tanpa menghasilkan graf. Di samping itu, calon juga melakukan kesilapan teknikal dalam menjawab soalan ini, iaitu unit atau nilai pada paksi, dan salah tajuk atau tajuk tidak lengkap. Calon juga didapati mengabaikan aspek pewarnaan atau lorekan yang sistematik ketika menghasilkan graf. Selain itu, terdapat calon yang menggunakan simbol sebagai pengganti kepada teknik mewarnai atau melorek pada graf. Natiujahnya, calon kehilangan banyak markah. Graf yang sepatutnya dihasilkan ialah graf bar piramid.

### **Soalan 8**

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan keluasan kawasan penanaman dan pola pengeluaran hasil kelapa sawit mengikut kawasan penanaman di Malaysia dari tahun 2003 hingga tahun 2007. Tidak ramai calon yang menjawab soalan ini. Kelemahan dan kesilapan teknikal yang dilakukan oleh calon adalah melukis satu bahagian sahaja, iaitu bar atau garis, gagal menulis label pada paksi, tidak menulis ribu hektar, dan ribu tan metrik pada paksi dan skala, tidak menulis maklumat petunjuk bagi graf garis dan tidak menyiapkan graf yang dikehendaki. Graf yang sepatutnya dihasilkan ialah graf gabungan bar dan garis dengan dua paksi.

## ***BAHAGIAN E: Pemindahan Maklumat Daripada Bukan Linear Kepada Linear***

### **Soalan 9**

Soalan ini menghendaki calon mentafsirkan hubungan kait antara harga eksport barangan utama Malaysia dengan nilai pendapatan eksport barangan utama Malaysia dari tahun 2006 hingga tahun 2008 seperti yang dinyatakan dalam jadual yang diberikan. Kebanyakan calon gagal untuk menjawab soalan ini dengan baik kerana gagal menghubungkan data dalam dua jadual yang diberikan. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan pola perbandingan sedangkan perkara tersebut tidak dikehendaki dalam soalan. Calon juga didapati tidak menulis unit dengan betul dan tidak menyatakan angka perbezaan serta angka peratus. Hal ini menyebabkan jawapan calon menyeleweng. Jawapan yang sepatutnya, ialah harga meningkat dan nilai pendapatan eksport meningkat (minyak sawit dan timah), harga naik tetapi nilai pendapatan tidak konsisten (getah), harga tidak konsisten dan pendapatan eksport menurun (kayu balak), dan harga tidak konsisten tetapi pendapatan eksport meningkat (gas asli cecair).

### **Soalan 10**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan cara sistem maklum balas pelanggan di sesebuah agensi kerajaan dapat diuruskan, di samping perlu menjelaskan manfaat sistem ini kepada setiap lapisan masyarakat seperti yang dinyatakan dalam carta yang diberikan. Kebanyakan calon gagal menghuraikan aliran proses dengan sempurna dan kurang berupaya untuk menghuraikan manfaat sistem berkenaan kepada setiap lapisan masyarakat. Calon juga didapati tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana tidak dapat menyenaraikan proses yang perlu dilalui dengan betul. Hal ini demikian kerana, calon telah mencampuradukkan proses di peringkat pejabat tempatan dengan proses di peringkat ibu pejabat. Jawapan

yang sepatutnya pada bahagian pertama ialah berkaitan pelaksanaan sistem maklum balas pelanggan pada peringkat tempatan yang merangkumi aspek mengumpul pendapat pelanggan, menganalisis dan menilai data atau maklumat, merancang tindakan pembedahan atau inovasi, dan mengambil tindakan. Berkaitan pelaksanaan sistem maklum balas pelanggan pada peringkat ibu pejabat pula merangkumi aspek mengumpul maklumat pelanggan, menganalisis dan menilai data atau maklumat tempatan, mengumpul data atau maklumat daripada semua pejabat tempatan, menganalisis dan menilai data atau maklumat secara keseluruhan, mengubah suai sistem, prosedur, dan jenis perkhidmatan, dan mengambil tindakan. Bagi bahagian yang kedua pula calon perlu menyatakan manfaat sistem maklum balas pelanggan, antaranya ialah mengatasi ketidakpuasan hati pelanggan, meningkatkan imej kerajaan atau jabatan atau organisasi, meningkatkan ketelusan pentadbiran, dan meningkatkan komitmen kakitangan.